



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Azman Hashim
International Business School

-ASSIGNMENT 1-

(REPORT 2)

EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTIAL LEARNING 2020/2021


UKQE3001 SECTION 04

NAME: AMEERA NABIHA BINTI ABDUL HAKIM AMIR

MATRIC NUMBER: B19BS0002

LECTURER: DR SYAHARIZATUL NOORIZWAN MUKTAR

IMPROVED HEALTH FIGHT AGAINST DRUGS (IHAD 2.0)



REPORTING

Pada hari Selasa bersamaan dengan 16 Mac 2021, Kelab Mahasiswa PEMADAM UTM bekerjasama dengan Pusat Kaunseling UTM, PEMADAM Negeri Johor dan PEMADAM Kebangsaan telah menganjurkan program webinar secara di atas talian. Program webinar ini yang bertajuk “Improved Health Fight Against Drugs (IHAD 2.0)” yang disiarkan secara langsung di Facebook dan berlangsung selama Sembilan jam setengah iaitu bermula pada pukul 8:30 pagi hingga 5:00 petang. Terdapat tiga (3) sesi semasa program dijalankan. Sesi pertama menjemput seorang panel yang bernama Dr. Nor Hana binti Ahmad Bahuri yang merupakan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Sesi kedua (2) pula menjemput seorang panel yang bernama Yg. Bhg. Supt R. Azizan Bin Ibrahim yang merupakan Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor sebagai wakil rasmi kepada Yg. Bhg. Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, Ketua Polis Johor manakala bagi sesi ketiga (3) di mana terdapat dua orang panel iaitu Yg. Berusaha Dr. Zulfikar

Bin Ahmad, Pengarah Pusat Kaunseling UTM serta Yg. Bhg. PM Dr. Mohd Ariffin Bin Abu Hassan, Timbalan Pengarah, Global Education and Experience (GEE), UTM International dan seorang moderator iaitu Alissa Dalilah Binti Dahlan yang merupakan pelajar Azman Hashim International Business School (AHIBS). Berdasarkan program ini, terdapat tiga (3) tajuk yang berbeza iaitu:

1. Sesi pertama webinar bertajuk “Dadah dan Kesannya Terhadap Kesihatan Mental Manusia”.
2. Sesi webinar kedua bertajuk “Peranan Mahasiswa: Ke Arah Manifestasi Kampus Bebas Dadah dan Bahan Terlarang”.
3. Sesi webinar ketiga bertajuk “*Beginning of The End*”.

Program webinar ini bertujuan untuk memberi pandangan berkenaan penyalahgunaan dadah dalam kalangan warga belia yang membimbangkan terhadap masyarakat dan negara. Penyalahgunaan dadah berlaku sekiranya seseorang individu itu mengambil ubat berlebihan. Terdapat beberapa jenis dadah:

- Alkohol
- Tembakau
- Kokain
- Marijuana
- Dadah-dadah perangsang
- LSD
- Inhalan (bahan yang disedut).

Pada awal webinar ini, setiap panel bagi ketiga-tiga sesi ini telah memberikan penerangan tentang apa yang dimaksudkan dengan penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat. Apabila mereka terjerumus dengan najis dadah ini sangat menyukarkan seseorang individu itu untuk berhenti daripada mengambil najis dadah ini. Selain itu, pengisian kandungan yang saya dapati semasa program ini berlangsung iaitu menkongsikan ilmu secara berkesan dalam membincangkan isu penyalahgunaan dadah bersama agensi terlibat yang dijalankan bagi membendung masalah penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat.

Pengertian al-mukhaddarat ini sebagai benda-benda yang memabukkan dan boleh menghilangkan kewarasan akal dilihat bertepatan dengan sabda Rasullah SAW: Maksudnya: Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap arak itu adalah haram. (Riwayat Muslim).

Penyalahgunaan dadah ini secara umumnya akan memberi kesan yang buruk. Seperti yang kita sedia maklum, dadah mempunyai bahan kimia yang bahaya dan boleh merosakkan otak, yang memberikan kesihatan yang bahaya, punca jangkitan, kerosakan buah pinggang, penyakit hati dan sebagainya. Akhirnya, dalam program webinar ini di mana setiap panel telah mendedahkan berkaitan kepentingan golongan belia untuk mengambil berat serta mempertahankan diri daripada anasir-anasir luar yang sentiasa mencari ruang dan peluang bagi menjerumuskan belia ke dalam aktiviti tidak berfaedah yang boleh memudaratkan masa hadapan. Secara keseluruhan, setiap panel jemputan juga menerangkan kesan buruk yang bakal dihadapi di sisi undang-undang oleh belia jika disabitkan dengan kes penyalahgunaan atau penyeludupan dadah.

Program webinar ini telah menerangkan kesan-kesan buruk penyalahgunaan dadah. Pertama, ia dapat merosakkan sistem saraf di dalam badan seorang individu itu. Kedua, pengambilan dadah boleh menyebabkan individu itu menjadi mabuk, khayal dan tidak dapat mengawal emosi. Seterusnya, merosakkan daya pemikiran seorang individu dan menyebabkan gangguan emosi. Akhir sekali, boleh membawa maut sekiranya mengambil dadah yang berlebihan.

Pada pandangan saya, program webinar ini sangat penting untuk membantu dan menyedarkan saya mengenai kesan buruk dalam penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat, mengelakkan makan ubat yang berlebihan dos dan sebagainya. Jelaslah bahawa, program webinar ini mengajar saya untuk menyayangi akan diri kita sendiri bagi mengelakkan kesan-kesan penyalahgunaan dadah di dalam badan kita.

Dengan itu, program webinar ini sangatlah menarik untuk didengari kerana banyak maklumat dan manfaat yang saya akan menerapkan di dalam diri saya. Program webinar ini dibuat untuk memberi kesedaran kepada kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk mencegah daripada penyalahgunaan dadah yang memberi kesan yang negatif terhadap diri sendiri.

RESPONDING

Program webinar “Improved Health Fight Against Drugs (IHAD 2.0)” yang diadakan pada 16 Mac 2021 ini telah memberikan kesan yang sangat besar dalam diri saya dan kehidupan saya. Apa yang saya dapat daripada program ini, saya menjadi lebih gembira dan teruja apabila dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan kefahaman yang lebih meluas tentang penyalahgunaan dadah.

Pada pendapat saya, dengan mendalami ilmu yang dikongsi di dalam program webinar dapat memberikan saya ilmu dalam diri saya di mana saya dapat mengetahui kesan-kesan yang buruk mengenai penyalahgunaan dadah. Dengan ini, mengapa banyak berlaku penyalahgunaan dadah di kalangan belia dan masyarakat, ia kerana kurang didikan agama di dalam diri masyarakat dan belia.

Melalui program webinar ini saya ingin tahu dengan lebih lanjut pengisian yang disampaikan

dalam program ini. Program ini juga telah membuat saya jadi lebih teruja dan perasaan ingin tahu tentang info yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah ini. Saya juga perlu berebut peluang yang ada sekarang untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan berkenaan penyalahgunaan dadah yang boleh memberi kesedaran kepada orang ramai terutama pelajar mahupun sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Antara input yang saya dapat kongsikan di dalam program webinar ini adalah kita sebagai rakyat Malaysia yang menyayangi negara kita perlu merancang strategi untuk mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat di negara ini. Banyak ilmu dan pengetahuan yang saya telah dapat daripada program webinar iaitu dapat mewujudkan semangat bersatu padu dalam berusaha untuk memerangi penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat.

Program webinar ini dapat membuktikan bahawa masih ramai tidak sedar akan keburukan penyalahgunaan dadah yang boleh meragut nyawa dan mendapati kesalahan yang besar dari segi undang-undang. Program webinar ini juga dapat mengkongsikan ilmu pengetahuan, peringatan dan juga nasihat bagi masyarakat di negara ini.

Dalam pada itu, program webinar ini membuatkan saya suka untuk membantu rakan-rakan, keluarga atau orang yang terdekat yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah supaya mereka tidak tersasar jauh. Program webinar mempunyai manfaat dan kepentingan dalam membantu kehidupan mereka dari segi fizikal dan mental serta emosi.

RELATING

Program webinar “Improved Health Fight Against Drugs (IHAD 2.0)” ini dapat membantu saya sebagai seorang mahasiswa untuk memikirkan masa depan dan membasmi najis dadah jika

terdapat orang di sekeliling saya berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka. Apabila saya mendengar ceramah semasa program itu dijalankan, saya dapat memiliki "Graduates Attributes" yang baik dan jelas. Seperti yang sedia maklum, mengapa program webinar ini sangat penting bagi diri saya sendiri dan mahasiswa ia kerana dapat memberi kesedaran kepada masyarakat, keluarga dan lain-lain tentang keburukan mengambil najis dadah.

Lebih-lebih lagi, program webinar ini juga menjadikan saya seorang individu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dengan sempurna dan dapat menghasilkan nilai-nilai murni dalam diri. Jelaslah bahawa adanya nilai-nilai dalam diri dapat membuatkan saya lebih yakin, memilih cara hidup dan mempunyai nilai-nilai positif yang berkait dengan "Graduates Attributes" di dalam seorang individu dan mahasiswa.

Program webinar ini dapat membantu saya dalam membantu permasalahan yang melibatkan penyalahgunaan dadah yang berlaku di universiti dan persekitaran saya. Permasalahan ini perlu diberikan tumpuan yang sepenuhnya.

Oleh itu, topik yang dibincangkan di dalam webinar ini sangat berkait rapat dengan kehidupan saya dan masyarakat. Jelaslah bahawa ia membuatkan saya untuk berusaha membantu untuk menyelesaikan masalah dalam penyalahgunaan dadah. Maka, dengan adanya ciri-ciri ini di dalam "Graduates Attributes" dapat memudahkan saya untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

REASONING

Topik yang telah dibincangkan di dalam program webinar ini sangat penting kerana ia telah banyak menerangkan bagaimana nak mencegahkan diri daripada penyalahgunaan dadah di luar

kampus dan di dalam kampus. Tambahan pula, webinar ini juga sangat penting kepada mereka yang ingin tahu keburukan dadah jika kita semua mengambil secara berlebihan. Oleh itu, menerusi program webinar ini, kesemua panel telah menceritakan usaha membangkitkan semangat untuk berusaha aktiviti pencegahan dadah di kampus dan di luar kampus.

Di samping itu, melalui program ini, saya berharap agar pencegahan penyalahgunaan dadah dapat sentiasa diterapkan di dalam diri saya dan masyarakat supaya ia dapat mengelakkan permasalahan berlaku yang dibincangkan di dalam program webinar ini. Saya juga akan memastikan bahawa orang di sekeliling saya, seperti keluarga dan rakan-rakan juga didedahkan dengan meluas tentang keburukan penyalahgunaan dadah.

Program webinar menerangkan bagaimana nak mencegah daripada penyalahgunaan dadah. Selain itu, dengan mencegah penyalahgunaan dadah dengan ada strategi jangka panjang dapat melindungi seseorang dari terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Tujuan program webinar ini, bagi setiap lapisan masyarakat akan berjaya membasmikan najis dadah.

Akhir sekali, sebab mengapa topik ini sangat penting untuk disebarluaskan kepada umum agar kita dapat mewujudkan persekitaran yang lebih sihat terutamanya apabila berlaku pandemik COVID-19 ini pada setiap lapisan masyarakat yang memerlukan pertolongan dan kerjasama untuk mengambil berat tentang permasalahan yang berlaku di kampus yang menyebabkan individu tersebut menghadapi tekanan dan berpotensi untuk bergejala najis dadah.

RECONSTRUCTING

Kesimpulannya, Program webinar “Improved Health Fight Against Drugs (IHAD 2.0)” ini sangat membantu saya untuk meneroka dengan lebih mendalam tentang najis dadah. Pengetahuan

atau ilmu yang diperoleh daripada program ini sedikit sebanyak telah menjelaskan kepada saya tentang kepentingan kesihatan dan kesan penyalahgunaan dadah terhadap mental dan fizikal seseorang individu.

Program ini juga diharapkan dapat membantu semua kumpulan sasaran memperolehi input yang berguna dan lebih bersedia dari segi fizikal, mental dan emosi serta memahami tentang bahaya penyalahgunaan dadah serta emosi terhadap diri, keluarga dan masyarakat.

Selain itu, melalui program ini juga, ia bukan sahaja membincangkan tentang dadah malah apa yang saya dapat daripada program webinar ini. Sebagai contoh, objektif yang saya dapat daripada program ini iaitu saya ingin menjauhi diri daripada najis dadah yang memberi kesan yang negatif.

Tambahan pula, saya berharap agar dengan adanya webinar seperti ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh setiap lapisan masyarakat tentang masalah penyalahgunaan dadah ini dan cara mengendalikannya.

Saya berharap agar program webinar seperti ini diperbanyakkan dan diperluaskan lagi kepada umum bagi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat. Saya juga berpeluang untuk melibatkan diri dalam program ini untuk membantu setiap lapisan masyarakat dan dapat menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah di dalam negara Malaysia.

Saya berharap agar pada masa yang akan datang, saya dapat membasmi aktiviti tidak sihat ini, bertanggungjawab menangani masalah untuk melindungi warga Malaysia daripada najis dadah ini. Saya juga ingin melibatkan diri dalam program-program yang seperti ini dan dapat memberikan ilmu pengetahuan yang bermanfaat untuk diri saya, keluarga, sahabat dan masyarakat pada masa akan datang.

Program webinar ini bertujuan untuk menyedarkan pihak yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan program ini telah menerangkan bagaimana untuk mencegah dan membasmi najis dadah yang berlaku di negara ini. Selain itu, untuk mengatasi masalah ini dengan menghantar individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah sama ada ke pusat pemulihan dan akan dikenakan undang-undang berdasarkan kesalahan yang dilakukan. Penyebab individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah di mana mereka mempunyai masalah keluarga, pengaruh rakan sebaya dan lain-lain. Pada akhir program, Pengarah Pusat Kaunseling UTM serta Timbalan Pengarah, Global Education and Experience (GEE), UTM International telah memberi sedikit sebanyak mengenai pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan menerangkan tindakan-tindakan yang di ambil sekiranya pelajar itu di dapati salah di kampus atau di luar kampus.

LAMPIRAN



The poster features the UTM logo and the Kelab PEMADAM IPT logo. The main title 'IHAD 2.0' is in large red letters, with 'IMPROVE HEALTH FIGHT AGAINST DRUGS' written below it in a stylized font. Four panelists are shown in boxes: DR NOR HANA BINTI AHMAD BAHURI (Panel 1), SUPRITENDENT POLIS (SUPT) R. AZIZAN BIN IBRAHIM (Panel 2), DR ZULFIKAR BIN AHMAD (Panel 3), and PM DR. MOHD ARIFFIN BIN ABU HASAN (Panel 4). The event details are: Anjuran Kelab Mahasiswa PEMADAM UTM Dengan Kerjasama Pusat Kaunseling UTM, PEMADAM Negeri Johor & PEMADAM Kebangsaan, Date: 16 MAC 2021, Time: 8:30 AM - 5:00 PM, Location: KELAB PEMADAM UTM PUSAT KAUNSELING UTM. Social media handles @pemadamutm and Kelab Pemadam UTM are also provided.



This screenshot shows two individuals seated on a stage. A man on the left wears a dark uniform with insignia, and a woman on the right wears a black hijab and a dark blazer. The background features the same IHAD 2.0 branding as the previous screenshot. The video interface includes a 'Press Esc to exit full screen' button, social media links, and a StreamYard watermark. A red banner at the bottom of the screen displays the session title. The right side of the screen shows a detailed description of the IHAD 2.0 program, its objectives, and its schedule.

